

SOALAN NO. 102**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. NIK MAZIAN
BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 26 JULAI 2017

SOALAN :

YB Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menerima cadangan Kerajaan dengan mensyaratkan lulus mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM bagi mengisi jawatan-jawatan perkhidmatan awam. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah mata pelajaran lain sebagai syarat wajib lulus dalam SPM, khususnya mata pelajaran agama dan mata pelajaran sivik.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan urusan pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam sesuatu skim perkhidmatan termasuk keperluan lulus mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM.

Pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menambah mata pelajaran lain sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam SPM untuk pelantikan ke semua skim perkhidmatan kecuali bagi skim perkhidmatan tertentu yang ditetapkan bergantung kepada kesesuaian dan keperluan sesuatu skim perkhidmatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, syarat-syarat pelantikan dalam perkhidmatan awam adalah berdasarkan kepada ketetapan di bawah sesuatu skim perkhidmatan dan syarat ini adalah berbeza antara satu skim dengan satu skim yang berlainan. Sebagai contoh, bagi maksud pelantikan ke jawatan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 atau jawatan Pembantu Syariah Gred LS19, calon mestilah mendapat Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau

Pendidikan Syariah Islamiah serta mendapat Lulus dalam subjek Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi) dalam peperiksaan SPM.

Sekian, terima kasih.